



22.6.2023

KENYATAAN MEDIA

oleh IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PBAPP LABUR RM24.6 JUTA UNTUK “PELAN TINDAKAN SPS 2023”

- **4 projek bekalan air sedang dilaksanakan tahun ini (2023) sebagai “penyelesaian sementara” untuk menangani isu bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS).**
- **Projek akan memberi manfaat kepada lebih 14,000 pengguna air di SPS.**

PULAU PINANG, Khamis, 22.6.2023 Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) melaksanakan 4 projek pada tahun ini yang menjadi “penyelesaian sementara” kepada aduan bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS).

Butiran 4 projek ini, yang disenaraikan di bawah Pelan Tindakan SPS 2023 (PT SPS 2023) PBAPP adalah seperti berikut:

Projek PT SPS 2023	Pelaburan (RM juta)	Bil. pengguna SPS yang akan mendapat manfaat	Siap
1 Loji DAF 10 juta liter sehari (JLH) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor	18.6	12,660	Ogos 2023
2 “LRA Kompak” 2.4 JLH di Sungai Kerian	4.0	1,749	Januari 2024
3 Tangki sedutan baharu di Rumah Pam Taman Widuri dan Taman Wellesley	1.2	3,495	Oktober 2023
4 Dua “LRA mudah alih” di Taman Sungai Duri Indah dengan jumlah kapasiti 0.25 MLD	0.8	162	Jun 2023
Jumlah	24.6	18,066	

Oleh itu, jumlah pelaburan untuk PT SPS 2023 adalah kira-kira RM24 juta. Pada November 2022, PBAPP juga telah menyiapkan projek Rumah Pam Sementara Permatang Tinggi bernilai RM840,000 untuk mengurangkan isu bekalan air di PBAPP investing RM24 million in “SPS 2023 Response Plan” | Page 1 of 2



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

beberapa kawasan di SPS.

Pada Januari 2024, kami akan menilai keberkesanan keseluruhan projek PT SPS 2023 ini dalam menangani isu bekalan air yang dilaporkan oleh pengguna di SPS.

Jika perlu, PBAPP akan memperuntukkan lebih banyak dana untuk melaksanakan lebih banyak projek interim di SPS pada 2024 dan 2025 bagi memenuhi keperluan pengguna air SPS.

LRA Sungai Kerian baharu (Fasa 1)

PBAPP juga merancang untuk membina LRA Sungai Kerian (Fasa 1) baharu di SPS untuk menangani permintaan air yang tinggi secara khusus di SPS sehingga Tahun 2030. Butiran penting LRA baharu ini adalah seperti berikut:

LRA Sungai Kerian (Fasa 1)		
a	Sumber air mentah	Sungai Kerian, SPS
b	Kapasiti rawatan air	114 JLH
c	Kawasan perkhidmatan	Eksklusif di SPS
d	Bil. pengguna yang perlu diberi perkhidmatan	55,000
e	Unjuran pelaburan	RM171 juta (termasuk pengambilan tanah dan kerja-kerja kejuruteraan sampingan)

Bantuan kerajaan negeri untuk menyegerakan projek LRA Sungai Kerian

LRA Sungai Kerian (Fasa 1) dijangkakan siap pada tahun 2027. Bagaimanapun, PBAPP memohon sokongan dan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang untuk mempercepatkan prosedur pengambilan tanah berhampiran Sungai Kerian, agar LRA Sungai Kerian (Fasa 1) boleh beroperasi menjelang tahun 2025 atau 2026.

PBAPP bersedia untuk melabur dalam LRA Sungai Kerian (Fasa 1). Jika kita boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PTG untuk "mempercepatkan" projek ini, PBAPP akan membina dan memulakan operasi loji baharu ini untuk manfaat 55,000 pengguna air di SPS secepat mungkin.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my